

Tarikh: 6 Ogos 2020

No. Rujukan:

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO MS 2530 KE ATAS SIME DARBY PLANTATION BERHAD – STRATEGIC OPERATING UNIT (SOU) 28, BINUANG**

Sime Darby Plantation Berhad telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan semula terhadap “Malaysian Sustainable Palm Oil” (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit pensijilan semula MSPO akan dijalankan seperti berikut:

- |    |  |   |  |
|----|--|---|--|
| 1. | Nama unit pengurusan                                 | : | Sime Darby Plantation Berhad – Strategic Operating Unit (SOU) 28, Binuang  |
| 2. | Tarikh mula audit                                    | : | 7 September 2020   |
| 3. | Tarikh akhir audit                                   | : | 11 September 2020  |
| 4. | Lokasi audit   | : | 91207 Kunak, Sabah, Malaysia   |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | 11,659.58  |
| 6. | Standard yang digunakan                              | : | MS 2530-3:2013 and MS2530-4:2013<br>Standard ini boleh dibeli melalui<br><a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a> |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran              | : | Rozaimie bin Ab Rahman<br>Mohd Zulfakar bin Kamaruzaman<br>Mohd Ab Raouf bin Asis<br>Selvasingam T. Kandiah  |



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122052 CB 02  
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052006 CB 03  
ISO/TS 22969:2013 FAMS 23122009 CB 01  
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02  
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 ENMS 03012014 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 MIDMS 30062015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05  
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025  
CALIBRATION / TESTING  
SAMM NO 085 SAMM NO 096  
SAMM NO 087 SAMM NO 219  
SAMM NO 735 SAMM NO 240  
SAMM NO 734 SAMM NO 377

MS ISO/IEC 17020  
MIBAS NO. 003

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **7 September 2020**. Jika perlu, pasukan audit akan mengatur mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P Seeriammoorthy  
Head  
Food, Agriculture and Forestry Section  
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian :  
Pn. Kamini A/P Sooriamoorthy  
Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd,  
Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, 40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel : 03-55446448  
Fax: 03-55446763  
Email : [kamini@sirim.my](mailto:kamini@sirim.my)

### MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI \_\_\_\_\_

Saya merujuk kepada surat bertarikh ..... untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas.  
Saya ingin mengesahkan bahawa:

Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan

Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

Isu berkaitan pematuhan undang-undang      Sila huraikan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Isu berkaitan aspek sosial      Sila huraikan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Isu berkaitan alam sekitar      Sila huraikan: \_\_\_\_\_

Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan      Sila huraikan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Lain-lain      Sila huraikan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. telefon : \_\_\_\_\_

Alamat email : \_\_\_\_\_

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....  
Nama :

Alamat :

No. tel :